

**PENGAUDITAN FASILITI DURIAN SEJUK BEKU OLEH GENERAL
ADMINISTRATION OF CUSTOMS CHINA (GACC) SECARA ATAS TALIAN**



Putrajaya, 20 - 22 Oktober - Sesi Pengauditan Fasiliti Durian Sejuk Beku oleh General Administration of Customs China (GACC) telah berjaya dilaksanakan buat pertama kalinya secara dalam talian.

Tujuan utama pengauditan ini adalah untuk mendapatkan kelulusan eksport durian Malaysia ke China. Pengauditan fasiliti ini melibatkan durian sejuk beku secara biji serta durian sejuk beku dalam bentuk ulas / pes.

Pada sesi pengauditan kali ini, sebanyak tiga (3) fasiliti pemprosesan durian telah terlibat iaitu :

1. Pusat Pemprosesan Buah-buahan Sejuk Beku FAMA, Jerantut, Pahang
2. Tempora Food Industry Sdn. Bhd, Shah Alam, Selangor
3. Southeast Asia Fruits Industry Sdn. Bhd, Serkam, Melaka